

16 MEI 2018

Aksem rampas 150kg daun ketum

DALAM NEGERI 25



SHUHAIDI SAIDON (kanan) bersama dua pegawai polis menunjukkan daun ketum yang dirampas di Rantau Panjang, Kelantan, semalam. -UTUSAN/GHAZALI BASRI

Aksem rampas 150kg daun ketum

RANTAU PANJANG 15 Mei - Agen-
si Kawalan Sempadan Malaysia
(Aksem) menumpaskan cubaan
dua individu menyeludup 150
kilogram daun ketum menggu-
nakan sebuah kereta jenis Hon-
da Civic ke negara jiran di sini,
semalam.

Kejadian kira-kira pukul 12.30
tengah hari itu berlaku selepas
agensi tersebut mengesas kere-
ta terbabit hasil daripada maklu-
mat risikan di kawasan Batu 11,
Tanah Merah dekat sini.

Komander Kawasan Ak-
sem, Shuhaidi Saidon berkata,
pihaknya mengejar kereta tersebut
sejauh 60 kilometer mengha-
la ke Rantau Panjang sebelum
kenderaan itu ditinggalkan di se-
buah rumah di Kampung Kubang
Pak Hitam, Pasir Mas di sini.

Menurutnya, hasil pemerik-
saan yang dilakukan pihaknya

menemukan 15 guni daun ketum dipercayai untuk diseludup ke negara jiran melalui pengka-
lan haram di sini.

"Suspek telah meninggalkan
kenderaan di rumah tersebut
dan terus mlarikan diri.

"Kesemua daun ketum yang
bernilai RM67,500 dirampas dan
diserahkan ke bahagian narkotik
Ibu pejabat Polis Daerah (IPD)
Pasir Mas untuk tindakan lan-
jut," katanya dalam sidang akh-
bar di sini hari ini.

Menurut Suhaidi, pihaknya
percaya kenderaan yang diguna-
kan itu berasal dari negara jiran.

"Berdasarkan pemeriksaan
yang dilakukan kita mendapat-
i nombor casis dan nombor pen-
daftaran kenderaan ini berbeza.

"Kes disiasat mengikut Seksyen
30 (3) Akta Racun 1952,"
katanya.